

Nestlé Malaysia Tambah Manfaat Dengan Cuti Pengambilan Anak Angkat 6 Bulan

Tawarkan Jumlah Manfaat Cuti Ibu Bapa Antara Yang Terbaik Di Malaysia

PETALING JAYA, 8 MAC 2019 – Nestlé Malaysia baru-baru ini mengumumkan dasar baharu untuk golongan ibu angkat dan pemberi jagaan utama, dengan menyediakan pakej cuti panjang sehingga enam bulan. Ini adalah sejajar dengan keputusan Syarikat untuk menambah jumlah manfaat cuti ibu bapa di Malaysia, yang turut termasuk cuti bersalin dan cuti isteri bersalin. Manfaat cuti ibu bapa yang ditambah baik ini menjadikan Nestlé sebagai antara syarikat yang menawarkan manfaat terbaik dalam industri barangan pengguna laris (FMCG) di Malaysia.

Sejajar dengan komitmennya kepada kepelbagaian dan keterangkuman, Nestlé memperkenalkan Cuti Pengambilan Anak Angkat untuk memberikan cuti bergaji untuk sekurang-kurangnya 98 hari kepada kakitangan yang baru mengambil anak angkat dan juga hak untuk mengambil cuti tanpa gaji selama 82 hari lagi. Kakitangan yang menjadi pemberi jagaan utama kepada bayi baru lahir juga akan menikmati manfaat ibu bapa yang sama menerusi Cuti Pemberi Jagaan Utama yang baru diperkenalkan Syarikat. Pemberi Jagaan Utama adalah seorang pekerja yang telah menggalas tanggungjawab sebagai penjaga utama bagi seorang anak termasuk cucu.

Ibu bapa yang baru menimbang cahaya mata kini layak menerima cuti tambahan. Di bawah dasar Cuti Ibu Bapa Nestlé yang ditambah baik, ibu yang baru melahirkan anak berhak untuk menerima manfaat cuti bersalin bergaji dan tanpa gaji sehingga 180 hari manakala bapa yang baru menimang cahaya mata diberikan Cuti Isteri Bersalin selama seminggu.

En. Shahzad Umar, Pengarah Eksekutif, Sumber Manusia Kumpulan, Nestlé (Malaysia) Berhad berkata, “Kami faham bahawa menjadi ibu bapa baharu adalah satu pengalaman yang amat mencabar, sebab itulah kami mencari cara-cara untuk memberikan sokongan padu kepada semua ibu dan bapa baharu semasa memulakan perjalanan mereka membesarkan anak. Kami amat berbangga untuk menjadi pelopor dengan menawarkan salah satu pakej cuti ibu bapa paling progresif dalam industri, yang kini turut merangkumi ibu bapa angkat.”

“Kepelbagaian dan keterangkuman adalah nilai-nilai teras Nestlé dan kami bertekad untuk memupuk budaya organisasi yang menyediakan peluang saksama untuk semua kakitangan kami. Kami berharap menerusi manfaat yang lebih baik ini, semakin ramai ibu bapa diberi dorongan untuk meneruskan kerjaya sambil meluangkan lebih banyak masa berharga bersama keluarga mereka,” tambahnya.

Nestlé juga bertekad untuk menjadi sebuah syarikat yang mencapai keseimbangan jantina, seiring dengan matlamatnya memupuk budaya keterangkuman. Memandangkan 34% daripada kakitangan Nestlé Malaysia terdiri daripada wanita, Syarikat telah menyediakan kemudahan dan merangka dasar untuk mewujudkan tempat kerja yang prihatin demi memperkasakan wanita dan menggalakkan kepelbagaian. Inisiatif ini termasuk menyediakan kemudahan seperti bilik menyusukan bayi di pejabat untuk menggalakkan penyusuan dan memastikan ibu-ibu baharu kembali bekerja dalam jawatan yang sama selepas bersalin, dengan jadual kerja fleksibel yang sesuai dengan keperluan mereka.

Mengenai Nestlé Malaysia

Nestlé merupakan pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia. Beribu pejabat di Switzerland, Nestlé beroperasi di 189 buah negara di seluruh dunia, dan seramai 328,000 orang kakitangan kami komited terhadap matlamat Nestlé, iaitu untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan serta memainkan peranan untuk membina masa depan yang lebih sihat. Prestasi kami dipacu oleh strategi Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan kami di Malaysia. Menjana khasiat rakyat Malaysia sejak 1912, Nestlé telah meraih kepercayaan para pengguna kami selama lebih seabad menerusi jenama dan produk kami yang bermutu tinggi, sambil mengekalkan kecemerlangan dan ketelusan produk Halal kami. Ini sejajar dengan

janji kami untuk menawarkan GOOD FOOD, GOOD LIFE kepada semua. Untuk ketahui lebih lanjut, sila layari www.nestle.com.my atau kunjungi laman Facebook kami di <http://www.facebook.com/NestleMalaysia>

Untuk maklumat lanjut:

Maxine Lim

Nestlé (Malaysia) Berhad

Tel: (+603) 7965 5185
+6012-353 1337

E-mel: Maxine.Lim@my.Nestle.com

Kanjana Ilango atau Yasmin Kadir

acorn communications

Tel: (+603) 7958 8348
+6012-602 2460 (Kanjana) atau
+6017-237 9048 (Yasmin)

E-mel: acorncommunications@acornco.com.my